

UniThymol 0.15% w/v Mouthwash

Thymol (0.15% w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan UniThymol 0.15% w/v Mouthwash
2. Bagaimana UniThymol 0.15% w/v Mouthwash berfungsi
3. Sebelum mengguna UniThymol 0.15% w/v Mouthwash
4. Cara mengguna UniThymol 0.15% w/v Mouthwash
5. Semasa menggunakan UniThymol 0.15% w/v Mouthwash
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan UniThymol 0.15% w/v Mouthwash
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan UniThymol 0.15% w/v Mouthwash

UniThymol 0.15% w/v Mouthwash digunakan untuk mengurangkan nafas berbau dan menjaga kebersihan mulut.

Bagaimana UniThymol 0.15% w/v Mouthwash berfungsi

Thymol merupakan antiseptik dengan aktiviti antibakteria dan antikulat.

Sebelum menggunakan UniThymol 0.15% w/v Mouthwash

-Bila tidak boleh menggunakan

Ia tidak boleh digunakan pada individu yang hipersensitif kepada bahan-bahan yang terkandung di dalamnya.

-Sebelum menggunakan ubat ini

Tidak boleh ditelan. Elakkan penggunaan pada pesakit dengan ulser mulut yang besar.

-Mengandung dan menyusukan anak

Tiada kesan sampingan telah dilaporkan. Seperti semua ubat, ia hanya boleh digunakan di bawah pengawasan perubatan pada ibu mengandung atau ibu yang menyusukan.

-Jika mengguna ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengguna ubat ini, termasuk mana-mana yang anda dapatkan tanpa preskripsi dari kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan anda.

Sesetengah ubat dan UniThymol 0.15% w/v Mouthwash boleh mengganggu satu sama lain. Mereka mungkin terjejas oleh UniThymol 0.15% w/v Mouthwash atau mungkin menjejaskan cara ia berfungsi.

Cara menggunakan UniThymol 0.15% w/v Mouthwash

-Berapa banyak harus diguna

Cairkan satu bahagian dengan tiga bahagian air.

-Bila perlu diguna

Gunakan sebagai ubat kumur atau pencuci mulut 3 atau 4 kali sehari.

-Berapa lama perlu diguna

Teruskan menggunakan UniThymol 0.15% w/v Mouthwash sebagaimana disyorkan oleh doktor anda. Sekiranya gejala berterusan, berjumpa dengan doktor anda.

-Jika terlupa mengguna

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi mengenai apa yang perlu anda lakukan jika anda terlupa menggunakannya.

Guna dos terlepas sebaik sahaja anda ingat. Sekiranya hampir masa untuk dos seterusnya anda, tunggu sehingga sampai masa untuk mengguna dos seterusnya dan abaikan dos yang tertinggal. Jangan guna dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa telah mengguna dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan UniThymol 0.15% w/v Mouthwash

-Perkara yang perlu dilakukan

- Guna ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang

menggunakan UniThymol 0.15% w/v Mouthwash.

- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengguna ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan guna dos lebih daripada yang disarankan melainkan diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan guna sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi UniThymol 0.15% w/v Mouthwash dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini digunakan selepas pencairan satu bahagian dengan tiga bahagian air suam. Semua larutan cecair yang tidak digunakan hendaklah dibuang kerana mungkin tercemar.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, UniThymol 0.15% w/v Mouthwash boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Jika simptom berterusan, jangan guna ubat ini dan rujuk doktor.

Beritahu doktor anda jika anda dapati mana-mana kesan sampingan berikut atau mengalami apa-apa kesan lain yang tidak disenaraikan:

- kerengsaan gastrik mukosa
- Ruam

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.moh.gov.my [Consumers-> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan UniThymol 0.15% w/v Mouthwash

-Penyimpanan

Jauhkan semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 30°C di tempat kering yang jauh daripada cahaya.

UniThymol 0.15% w/v Mouthwash

Thymol (0.15% w/v)

-Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Cecair bewarna merah, yang jelas dengan rasa Eukaliptus.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Thymol

- Bahan-bahan tidak aktif

Methyl Salicylate, Eucalyptus Oil, Menthol Crystals, Potassium Sorbate, Ethanol, Hydrogenated Polyoxyl Castor Oil, Sodium Saccharin, Citric Acid Anhydrous, Sodium benzoate, Colour-Carmoisine Powder, Glycerin and purified water.

-MAL number

Pengilang dan Pemegang

Pendaftaran Produk

KCK Pharmaceutical Industries Sdn. Bhd.

Plot 61, Bayan Lepas Industrial Park
Phase 4, Lintang Bayan Lepas 1,
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RIMUP

04/07/2023

Nombor Siri

NPRA (R2) 23/097